

Air terhad beri kesan negatif pembangunan

Projek baru mungkin tak diluluskan: Piarapakaran

Oleh Syuhada Choo Abdullah
dan Syed Azwan Syed Ali
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Rizab simpanan air bersih Lembah Klang yang berada di bawah paras ideal 20 peratus, akan memberikan impak negatif kepada pembangunan di negeri terbabit, sekali gus menjejaskan kehidupan rakyat.

Rizab simpanan kecil bermakna tiada projek pembangunan baru dapat diluluskan berikutan ketiadaan jaminan bekalan air bersih stabil untuk kegunaan industri dan pengguna.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakaran, berkata penurunan rizab simpanan air bersih juga akan meningkatkan risiko pencemaran air terawat akibat kehilangan air tidak berhasil (NRW) yang

kini mencecah 30 peratus di Selangor.

“Bila rizab air rendah, tekanan dalam sistem paip air juga menurun. Jika rizab air menurun di bawah 0.5 peratus, ia boleh menyebabkan berlaku pencemaran air di mana air kotor boleh memasuki sistem paip.

“Sebelum ini, kerajaan Selangor berkata rizab air tidak menjadi isu jika NRW dapat dikurangkan 10 peratus, tapi nak turun akan ambil masa lama. Tidak mungkin dalam masa setahun dua, sebab banyak paip perlu ditukar selain bergantung kepada modal (kewangan) untuk tukar paip ini.

“Selangor tidak akan mendapat CAPEX (modal) dari PAAB (Pengurusan Aset Air Berhad) sebab tidak menyertai penstrukturan semula air menyebabkan ia hanya boleh pinjam daripada bank dengan kadar faedah lebih tinggi. Keadaan ini

tentunya akan memberi kesan kepada tarif air pengguna,” katanya kepada *Berita Minggu* semalam.

Piarapakaran mengulas desakan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) supaya kerajaan Selangor menegerakan kelulusan tapak Loji Rawatan Air Hulu Langat 2 bagi mengelakkan krisis air berlaku di negeri itu selepas rizab simpanan air di Lembah Klang dilaporkan menurun kepada 2.4 peratus, iaitu jauh lebih rendah dari 20 peratus rizab simpanan air ideal.

Katanya, rizab simpanan air merujuk kepada margin simpanan air terawat dan bukannya margin simpanan air mentah di negeri itu.

“Berdasarkan kenyataan Menteri Besar Selangor (Tan Sri Khalid Ibrahim) sebelum ini, mungkin beliau tidak faham atau diberikan nasihat salah. Sekarang air mentah memang mencukupi tetapi jika Loji Rawatan Air Langat 2 tidak dija-



S Piarapakaran

lankan, di mana kerajaan negeri nak cari air mentah baru jika permintaan air bersih tiba-tiba meningkat.

“Setiap loji ada kapasiti sendiri. Kalaupun empangan itu penuh pun, kita tak boleh ambil semua air dari kawasan itu bagi menampung permintaan meningkat,” katanya.

Khalid dilaporkan berkata rizab air yang tinggal 2.4 peratus tidak akan menjadi isu, jika NRW dapat dikurangkan sehingga 10 peratus selain menyatakan dua perunding antarabangsa dilantik akan melihat operasi loji penapis airnya yang didakwa tidak diuruskan dengan baik.